



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : PERAKAUNAN KEWANGAN / PRINSIP  
PERAKAUNAN  
**KOD KURSUS** : DPI1043 / DSM1033  
**PEPERIKSAAN** : OKTOBER 2018  
**MASA** : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (10 Markah)
  - BAHAGIAN B (30 Markah)
  - BAHAGIAN C (60 Markah)
  
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A, BAHAGIAN B** dan **BAHAGIAN C**.
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---




**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam Borang Jawapan Objektif.

- Berikut merupakan pengguna dalaman maklumat perakaunan, **kecuali**
  - Pengurus
  - Pelabur
  - Pekerja
  - Pemilik
- Rajah di bawah ini menunjukkan kitaran perakaunan yang tidak lengkap.



Apakah Z?

- Catatan Buku Pertama – Jurnal
- Penyediaan Imbangan Duga
- Pengeposan ke Lejar
- Pelarasan

3. Pernyataan di bawah merupakan konsep dan prinsip asas perakaunan.

Kaedah perakaunan yang sama digunakan secara berterusan untuk setiap tempoh perakaunan

Konsep dan prinsip asas perakaunan manakah yang memberi maksud kepada pernyataan di atas?

- A Pemandanan
  - B Berterusan
  - C Ketekalan
  - D Materialiti
4. Antara berikut yang manakah merupakan persamaan perakaunan?
- A  $\text{Belanja} = \text{Aset} + \text{Hasil} + \text{E. Pemilik} + \text{Liabiliti}$
  - B  $\text{Aset} = \text{Belanja} + \text{Hasil} + \text{E. Pemilik} + \text{Liabiliti}$
  - C  $\text{Belanja} + \text{Aset} + \text{Hasil} = \text{E. Pemilik} + \text{Liabiliti}$
  - D  $\text{Aset} + \text{Belanja} = \text{Hasil} + \text{E. Pemilik} + \text{Liabiliti}$
5. Apakah elemen bagi overdraf bank?
- A Ekuiti Pemilik
  - B Belanja
  - C Liabiliti
  - D Aset
6. Apakah kesan bagi transaksi 'belian barang niaga secara kredit?
- A Belian bertambah, Pemiutang bertambah
  - B Belian bertambah, Pemiutang berkurang
  - C Belian berkurang, Pemiutang bertambah
  - D Belian berkurang, Pemiutang berkurang

7. Antara berikut, yang manakah merupakan catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Belanja	Belanja terdahulu
B	Belanja	Belanja terakru
C	Hasil	Hasil terakru
D	Hasil terdahulu	Hasil

8. Antara berikut, yang manakah bukan merupakan item yang telah dicatat di dalam penyata bank tetapi belum dicatat di dalam buku tunai?

- A Cek belum dikemukakan
- B Caj perkhidmatan bank
- C Cek tak layan
- D Arahan tetap

9. Berikut merupakan formula nisbah kewangan.

$$\text{Nisbah X} = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

Apakah Nisbah X tersebut?

- A Tempoh Purata Kutipan
- B Pusing Ganti Aset
- C Aset Cepat
- D Semasa

10. Penyataan di bawah merupakan pengguna analisis kewangan.

Menggunakan analisis kewangan / penyata kewangan kerana maklumat yang tersedia boleh dijadikan panduan bagi menyusun strategi seterusnya

Siapakah pengguna analisis kewangan yang dimaksudkan?

- A Pembekal
- B Pelabur
- C Pesaing
- D Pekerja

[10 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Berikan **TIGA (3)** pengguna dalaman dan pengguna luaran maklumat perakaunan. (6 markah)
- b) Huraikan **DUA (2)** konsep dan prinsip asas perakaunan. (4 markah)

**SOALAN 2**

- a) Dengan menggunakan persamaan perakaunan, lengkapkan jadual berikut:

	<b>Aset (RM)</b>	<b>Liabiliti (RM)</b>	<b>Ekuiti Pemilik (RM)</b>
i.		56,100	77,300
ii.	125,800		99,200
iii.	257,000	69,400	

(3 markah)

- b) Nyatakan akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan bagi setiap urusan niaga di bawah ini.

	<b>Urusniaga</b>	<b>Akaun Didebitkan</b>	<b>Akaun Dikreditkan</b>
(a)	Azmie memulakan perniagaan dengan tunai di bank		
(b)	Menerima cek untuk pinjaman perniagaan dari Agree Bank		
(c)	Membeli barang niaga secara kredit dari Pembekal Cahaya		
(d)	Membayar belanja utiliti dengan tunai		
(e)	Menerima diskaun tunai daripada Pembekal Cahaya		
(f)	Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan peribadi		
(g)	Jualan tunai		

(7 markah)

## SOALAN 3

Berikut merupakan penyata kewangan bagi Perniagaan Syukur

**PERNIAGAAN SYUKUR**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
**PADA 30 JUN 2018**

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
<b>Aset Bukan Semasa</b>		
Nilai bersih aset tetap		2,370,400
<b>Aset Semasa</b>		
Tunai	60,300	
Sekuriti boleh pasar	60,800	
Akaun belum terima	500,300	
Inventori	280,900	
	280,900	1,202,300
		2,651,300
<i>Dibiayai oleh:</i>		
<b>Ekuiti Pemilik</b>		
Saham biasa	200,000	
Saham keutamaan	610,100	
Pendapatan tertahan	218,900	
	218,900	1,029,000
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>		
Pinjaman		1,020,300
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Akaun Belum Bayar	380,200	
Belanja Terakru	150,900	
Nota Belum Bayar	70,900	
	70,900	602,000
		2,651,300

**PERNIAGAAN SYUKUR  
PENYATA UNTUNG RUGI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2018**

	<u>RM</u>
Jualan	3,070,000
Tolak: Kos barang dijual	2,080,800
Untung Kasar	<u>989,200</u>
Tolak: Belanja operasi	560,800
Pendapatan sebelum cukai dan faedah	<u>428,400</u>
Tolak: Faedah	90,300
Pendapatan sebelum cukai	<u>338,100</u>
Tolak: Cukai	90,400
Pendapatan selepas cukai	<u>247,700</u>

Berdasarkan penyata kewangan di atas, kirakan nisbah kewangan berikut:

- a) Nisbah Semasa (3 markah)
- b) Nisbah Pusing Ganti Inventori (3 markah)
- c) Nisbah Hutang (4 markah)

**[30 MARKAH]**



**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Transaksi berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Hannah.

2018

- |     |    |  |
|-----|----|--|
| Jan | 2  | Pemilik memulakan perniagaan dengan membawa kenderaan bernilai RM45,400 dan tunai di bank berjumlah RM75,000 |
|     | 7  | Beli barang niaga dengan cek bernilai RM8,700 daripada Pemborong Nik Zackry                                  |
|     | 11 | Jualan secara kredit kepada Perniagaan Azlan bernilai RM10,500   |
|     | 22 | Terima tunai dari Perniagaan Azlan berjumlah RM5,500 dan memberi diskaun tunai sebanyak RM120                |
|     | 26 | Bayar gaji pekerja dengan tunai RM3,300  |
|     | 30 | Komisen diterima dengan cek RM800  |

Anda dikehendaki menyediakan:

- |  |            |
|--|------------|
| a) Jurnal transaksi                              | (7 markah) |
| b) Akaun lejar untuk mencatat semua urusan niaga | (7 markah) |
| c) Imbangan duga pada 31 Jan 2018                | (6 markah) |

**SOALAN 2**

Berikut merupakan Imbangan Duga bagi Murni Trading pada 30 Jun 2018

<b>Murni Trading</b>		
<b>Imbangan Duga pada 30 Jun 2018</b>		
	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Jualan		207,300
Belian	124,900	
Diskaun diberi	450	
Pulangan Belian		880
Diskaun diterima		370
Upah dan Gaji	7,200	
Inventori pada 1 Julai 2017	7,700	
Air, Elektrik dan Telefon	3,750	
Sewa	13,000	
Modal		123,000
Ambilan	1,250	
Penghutang	35,200	
Pemiutang		19,350
Premis	82,000	
Lekapan dan Lengkapan	8,000	
Tunai	30,170	
Bank	37,280	
	<b>350,900</b>	<b>350,900</b>

Maklumat tambahan pada 30 Jun 2018 adalah seperti berikut:

1. Inventori pada 30 Jun 2018 bernilai RM8,800.
2. Sewa yang dibayar adalah termasuk sewa untuk bulan Julai 2018.
3. Penghutang dengan jumlah hutang berjumlah RM1,800 didapati mufliis. Amaun ini dihapuskan sebagai hutang lapuk.
4. Susut nilai ke atas Premis adalah 10% ke atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Jurnal pelarasan (3 markah)
- b) Penyata Untung Rugi bagi bulan berakhir 30 Jun 2018 (13 markah)
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2018 (12 markah)

**SOALAN 3**

Berikut merupakan Buku Tunai (ruangan bank) dan Penyata Bank bagi Perniagaan Restoo bagi bulan September 2018. Didapati terdapat ketidaksemaan antara baki di dalam Penyata Bank dengan Buku Tunai (ruangan bank) perniagaannya. Baki-baki akaun beliau adalah seperti berikut:

**Penyata Bank bagi bulan September 2018**

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2018			RM	RM	RM
September 1					17,300 kt
	Deposit tunai			8,600	25,900 kt
5	Cek	46410	7,000		18,900 kt
8	Cek	46411	6,900		12,000 kt
9	Deposit tunai			4,400	16,400 kt
24	Cek	35601		10,000	26,400 kt
28	Cek tak layan	44777	3,500		22,900 kt
25	Arahan tetap		10,700		12,200 kt
29	Cek	46413	2,200		10,000 kt
30	Faedah atas simpanan			280	10,280 kt

**Buku Tunai (ruangan bank)**

2018		RM	2018		RM
Sept			Sept		
1	Baki b/b	17,300	9	Sejati Ent.	7,000
6	Talhah 116220	6,300	11	Aminah	6,900
7	Jualan	8,600	19	Zaman Trading	4,800
15	Jualan	4,400	25	Gaji	10,700
22	Ahmad 35601	10,000	29	TNB	2,200
24	Hakimi Trading 44777	3,500	30	Sewa	3,000
			30	Baki h/b	15,500
		50,100			50,100

**Dikehendaki:**

- a) Sediakan buku tunai terselaras (4 markah)  
 b) Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2018 (8 markah)

**[60 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

